

6 bulan terlalu singkat untuk siasat 1MDB, kata Institut Audit Dalamam
The Malaysian Insider
Sept 7, 2015
Oleh Jamilah Kamarudin

Tempoh 6 bulan yang diambil Jabatan Audit Negara untuk menyiasat syarikat sarat hutang 1Malaysia Development Berhad (1MDB) setakat ini disifatkan Institut Audit Dalamam Malaysia (IIAM) sebagai terlalu singkat untuk menghasilkan sebarang keputusan kerana ia melibatkan isu yang kompleks.

Presiden IIAM Datuk Shabaruddin Ibrahim berkata, proses audit yang perlu dilakukan tidak semudah yang disangkakan kerana ia sangat "dinamik dan boleh berubah" dan pada masa sama, kerahsiaan siasatan juga perlu dijaga.

"Dalam audit, siasatan dalam tempoh enam bulan hingga setahun terlalu singkat kerana kerumitan perkara itu. Contohnya, dalam kes BMF (Bumiputra Malaysia Finance) satu masa dulu, hanya selepas beberapa tahun baru siasatan selesai.

"Jadi, kita kena bersikap objektif dalam hal ini. Biarkan proses itu berjalan dulu. Saya boleh jamin kepada anda, di Malaysia, kita ada prosesnya. Kita harus menunggu hingga keputusan (siasatan) dikeluarkan secara rasmi."

Beliau berkata demikian pada satu sidang media selepas pelancaran "2015 National Conference on Governance, Risk and Control; Gearing for Innovation" di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), hari ini.

Pada Mac, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak mengarahkan Jabatan Audit Negara mengesahkan secara bebas akaun 1MDB dan menyerahkannya untuk pemeriksaan telus kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen.

Ketua Audit Negara Tan Sri Ambrin Buang kemudiannya mengatakan pihaknya akan menyiasat rekod akaun syarikat pelaburan dana negara yang didakwa terlibat dalam beberapa pelaburan meragukan itu sejak tahun 2009 kerana mendakwa ia tidak pernah diaudit.

Katanya, audit ke atas urusan niaga 1MDB yang dijalankan firma audit Deloitte bagi tahun kewangan 2013 tidak termasuk sejak awal penubuhannya pada 2009.

Setakat ini, jabatan itu sudah menyerahkan Laporan Interim Terhadap Pengauditan 1MDB kepada PAC semasa taklimat pada 9 Julai, iaitu hasil pengauditan yang dijalankan mulai 10 Mac hingga 15 Jun, 2015.

Ambrin pada Julai berkata, pengauditan jabatan itu ke atas 1MDB masih lagi berjalan dan satu laporan lengkap akan diserahkan kepada PAC secepat yang mungkin dalam tahun ini. – 7 September, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/siasatan-audit-6-bulan-1mdb-t-erlalu-singkat-kata-institut-audit-dalaman>